

Hukuman wajar diteruskan

SINAR HARIAN 08/04/09 N10

SHAH ALAM - Hukuman rotan di sekolah untuk mendisiplinkan pelajar perlu dilaksanakan semula, kata Yang Dipertua (YDP) Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Ruslan Madon.

Menurutnya, hukuman rotan itu lama diadakan, tetapi tidak dilaksanakan.

"Saya menyokong sepenuhnya tindakan Timbalan Menteri Pelajaran untuk menguatkuasakan semula hukuman rotan ke atas kesalahan disiplin pelajar.

"Saranan yang dicadangkan oleh beliau adalah baik dan hukuman merotan hanya diberikan kepada guru-guru yang khusus sahaja untuk menjatuhkan hukuman tersebut termasuk guru besar, guru penolong kanan dan guru disiplin sekolah," katanya kepada **Sinar Harian**, semalam.

Beliau berkata, sebagai guru kita perlu memaklumkan terlebih dahulu kepada ibu bapa sekiranya ingin menghukum anak mereka dan perlu memaklumkan kepada mereka kesalahan dan bahagian mana yang ingin dirotan.

"Segala hukuman yang dijatuhkan ke

atas pelajar mempunyai prosedurnya yang tersendiri yang mana pihak sekolah perlu mengikuti peraturan khusus mengikut akta yang telah ditetapkan dan semuanya ada terkandung dalam buku rekod kesalahan pelajar.

"Di samping itu, dalam mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga ada menyediakan satu sesi perbincangan antara guru dengan ibu bapa mengenai disiplin anak-anak mereka di sekolah dan memaklumkan bahawa hukuman rotan akan diberikan sekiranya mereka melakukan kesalahan disiplin," katanya.

Ruslan berkata, segala kesalahan yang dilakukan oleh pelajar akan ditulis dalam buku rekod kesalahan pelajar dan di dalamnya terkandung jenis kesalahan dan jenis hukuman yang perlu diambil tindakan ke atas pelajar yang melanggar peraturan sekolah.

Malah, katanya, pelaksanaan hukuman rotan ini sedikit sebanyak dapat mengawal dan mengurangkan kes disiplin pelajar di sekolah.